

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 Mei 2016**

**SOALAN**

Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Taska Autisme Sibu sejak 2013 dan sama ada Kementerian akan terus memberi peruntukan kepada Taska Autisme Sibu memandangkan pengurusan taska tersebut menghadapi masalah kewangan.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan kewangan kepada TASKA AUTISME SIBU sejak tahun 2013 hingga 2016. Penyaluran peruntukan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM500,000.00 berbentuk geran penubuhan berbentuk one-off sebagai permulaan berjumlah RM200,000.00 dan geran operasi untuk menjalankan TASKA berjumlah RM300,000.00. Pada tahun 2014, geran operasi telah disalurkan sebanyak RM240,000.00 setahun. Bagi tahun 2015, jumlah geran adalah sebanyak RM26,900.00 bagi perbelanjaan bulan Disember 2015 sahaja memandangkan NGO tersebut masih mempunyai lebihan peruntukan bagi tahun 2013 dan 2014 yang tidak dibelanjakan sebanyak RM414,849.71. Peruntukan geran operasi TASKA AUTISME SIBU bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM184,704.00 setahun. Pengagihan peruntukan geran tersebut adalah berdasarkan jumlah kanak-kanak di TASKA seramai 18 orang, seorang penyelia dan 6 orang pengasuh, sewa premis sebanyak RM1,300.00 sebulan, utiliti sebanyak RM1,000.00 sebulan dan makan minum kanak-kanak di TASKA sebanyak RM6.00 sehari selama 24 hari dalam sebulan. Peruntukan kepada TASKA AUTISME SIBU akan disalurkan sebaik sahaja Jabatan ini menerima surat setuju terima dan dokumen perjanjian geran operasi TASKA OKU yang perlu dimatikan setem oleh pengusaha. Surat setuju terima telah diterima pada 18 April 2016. Jabatan masih belum menerima dokumen perjanjian tersebut daripada pengusaha TASKA AUTISME SIBU.

